



# HARI KUALITI & INOVASI PERKHIDMATAN

# 2014



**6 November 2014**

Dewan Besar,  
PKKSSAAS  
Universiti Putra Malaysia

# *Rasional*

 **HARI KUALITI & INOVASI  
PERKHIDMATAN**

**2014**



Paparan Warna coklat yang mendominasi reka bentuk ini melambangkan suatu warna yang mewakili unsur alam. Ia juga memberi maksud moden, kualiti dan canggih serta eksklusif bersesuaian dengan buku ini yang berjudul Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan. Grafik berbentuk bulatan yang melingkari ruang tengah reka bentuk merujuk kepada inovasi perkhidmatan masa kini yang menjurus ke arah globalisasi. Manakala lima lambang manusia yang berangkai memberi pengertian lima anugerah yang dipertandingkan iaitu Anugerah Amalan 5S, Anugerah Inovasi Perkhidmatan, Anugerah Pengurusan Aset, Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran dan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif. Konsep yang dipaparkan ini selari dengan matlamat ke-5 Pelan Strategik UPM 2014-2020 iaitu Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus.

# Sekapur Sireh

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



**T**ahniah diucapkan kepada Pejabat Pendaftar di atas kejayaan menganjurkan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM pada tahun ini. Sambutan ini adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan inovasi sebagai satu agenda penting dalam mentransformasikan sektor awam. YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia menyatakan salah satu nilai asas bagi melengkapkan tiang utama pentadbiran kerajaan adalah "Membudayakan Kreativiti dan Inovasi." Dalam Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri pada 13 November 2013, YAB Perdana Menteri juga menekankan aspek daya kesungguhan yang tinggi dalam kalangan penjawat awam kerana dengan daya kesungguhan, kita boleh menjadi bangsa yang berinovatif.


UPM turut menzahirkan hasrat kerajaan dengan melaksanakan aspirasi kepimpinan negara. Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, UPM mampu menjadi pusat pembudayaan inovasi dengan menjana idea bernas yang boleh menyumbang kepada transformasi negara menjadi negara maju.

Justeru, untuk menjadi penjawat awam yang kreatif, berinovasi, berkualiti dan berintegriti, warga UPM haruslah melengkapkan diri dengan kemahiran, ilmu pengetahuan dan ciri peribadi yang tinggi, serta mempunyai satu corak pemikiran berteraskan penciptaan. Warga UPM perlu menghasilkan ciptaan baharu dan unik yang mampu melonjakkan nama Universiti di peringkat global.

Adalah menjadi hasrat UPM untuk menjadi sebuah Universiti bereputasi antarabangsa dan tersenarai dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia pada tahun 2020. Hasrat ini tersirat dalam Putra Global 200 yang termaktub dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020. Dengan pencapaian ini, UPM seterusnya dapat memenuhi tuntutan dan keperluan negara dengan melahirkan insan kelas pertama dan memindahkan ilmu serta kepakaran kepada masyarakat.

Saya berharap sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan ini dapat memotivasikan warga UPM untuk terus berinovatif dalam menghasilkan produk-produk inovasi yang boleh menyumbang kepada pencapaian visi dan misi Universiti.

Sekian, terima kasih.



**Prof. Dato' Dr. Mohd. Fauzi Haji Ramlan**  
Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia

“  
Sebagai sebuah Universiti  
Penyelidikan, UPM mampu  
menjadi pusat pembudayaan  
inovasi dengan menjana  
idea bernas yang boleh  
menyumbang kepada  
transformasi negara menjadi  
negara maju.”

# Seulas Pinang

## السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Inovasi kini menjadi penanda aras global yang menuntut keupayaan penciptaan yang bersifat baharu, unik dan bermanfaat, serta mampu berfungsi sebagai pemangkin kepada kesejahteraan negara. Sesebuah organisasi yang berjaya dan maju menjadikan inovasi sebagai kompetensi utama di mana idea dan maklum balas dijadikan asas dalam usaha penambahbaikan yang berterusan agar memberi impak positif dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Oleh itu, adalah penting bagi warga UPM untuk membudayakan inovasi dalam tugas seharian dengan mempamerkan tahap daya fikir, kreativiti dan inovasi yang tinggi, serta berfikir di luar kotak kelaziman. Pembudayaan ini akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian

perkhidmatan Universiti, seterusnya dapat memenuhi kehendak dan aspirasi pelanggan. Warga UPM perlu melakukan anjakan paradigma supaya terus relevan dan selari dengan keperluan perkhidmatan dan amalan kerja semasa. Tahun ini merupakan tahun kedua Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan di UPM. Sambutan ini adalah bagi menyokong Matlamat ke-5 Pelan Strategik UPM 2014-2020 dalam mempertingkatkan kualiti tadbir urus. Pelbagai kategori pengiktirafan dan penghargaan diwujudkan dengan harapan ia akan memotivasikan warga UPM untuk terus berkarya secara inovatif bagi peningkatan penyampaian perkhidmatan Universiti.

Akhir kata, syabas dan tahniah kepada semua yang telah terlibat dalam pertandingan anugerah pada kali ini, khusus kepada Ahli Jawatankuasa dan warga UPM dalam menjayakan sambutan HKIP. Semoga Allah S.W.T merahmati usaha kita ini demi kecemerlangan Universiti dan negara.

Sekian, terima kasih.



**Dato' Wan Azman Wan Omar**

Pendaftar

Universiti Putra Malaysia

Pengerusi Jawatankuasa Kualiti dan Inovasi

Perkhidmatan 2014

“

Pembudayaan ini akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan Universiti, seterusnya dapat memenuhi kehendak dan aspirasi pelanggan.

”

# Atur Cara

**8.30 pagi**

Ketibaan Jemputan/Staf

---

**8.45 pagi**

Forum: **Inovasi Peneraju Transformasi**

Ahli Panel:

**Hj. Burhanuddin Md. Radzi** (Pengarah Urusan Les' Copaque Production Sdn Bhd.-  
Siri Kartun Upin dan Ipin)

**Zulkifli Hj. Haron** (Pengarah Urusan Zull Design Autotronic)

Moderator: **Siti Fatimah Abdul Ghani** (Pegawai Psikologi, Bhg Hal Ehwal Pelajar)

---

**10.30 pagi**

Ketibaan Tetamu Kehormat

Lagu *Negaraku*

Bacaan Doa

Lafaz Ikrar Hari Inovasi

Ucapan Aluan Pendaftar

Ucapan Naib Canselor

Penyampaian Anugerah

- **Pelaksanaan Amalan 5S**
- **Inovasi Perkhidmatan**
- **Pengurusan Aset**
- **Kumpulan Inovatif dan Kreatif**
- **Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran**

Lagu *Putra Gemilang*

Lawatan Pameran

---

**12.30 tengah hari**

Jamuan/Bersurai

# Latar Belakang

Pada tahun 2013, UPM buat julung kalinya telah melaksanakan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM. Majlis tersebut adalah sebagai menyahut seruan kerajaan bahawa agenda tansformasi negara hendaklah berpaksikan inovasi dan kreativiti. Pada tahun ini, aktiviti tersebut diteruskan lagi. Selain menyahut saranan kerajaan, pelaksanaan HKIP ini juga merupakan sebahagian daripada aktiviti peningkatan inovasi yang menyumbang kepada pencapaian Matlamat ke-5 dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020 iaitu Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus.

Justeru, bagi memantapkan kualiti tadbir urus di UPM, dua kategori anugerah baharu diperkenalkan pada tahun 2014 iaitu Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran. Pelaksanaan penarafan bintang adalah sebagai salah satu mekanisma pengukuran prestasi budaya kecemerlangan dan kualiti dalam perkhidmatan di UPM.

Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang telah menunjukkan tahap tadbir urus yang terbaik serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul akan diberi pengiktirafan. Semua PTJ wajib menyertai pertandingan bagi Anugerah Amalan

5S, Anugerah Pengurusan Aset, dan Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran. Manakala Anugerah Inovasi Perkhidmatan dan Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif berdasarkan permohonan penyertaan daripada staf atau kumpulan di UPM, atau penilaian progres projek. Lima anugerah yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

- a. **Anugerah Amalan 5S;**
- b. **Anugerah Inovasi Perkhidmatan;**
- c. **Anugerah Pengurusan Aset;**
- d. **Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif; dan**
- e. **Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran.**



# Objektif dan Pelaksanaan

Secara umumnya, objektif sambutan HKIP UPM ialah:

- Meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja;
- Memupuk dan memperkukuhkan nilai budaya inovasi dan kreativiti di UPM;
- Merealisesi pengamalan proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri-ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan; dan
- Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Manakala setiap lima anugerah yang dipertandingkan mempunyai objektif dan kaedah pelaksanaan masing-masing.

## Anugerah Amalan 5S

Objektif Pertandingan Pelaksanaan Amalan 5S adalah untuk:

- a. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang mempunyai prestasi yang cemerlang dan sentiasa berusaha ke arah meningkatkan kualiti pengamalan 5S dan perkhidmatan;
- b. Menggalakkan kerjasama dan membentuk budaya saling membantu secara berterusan dalam kalangan pegawai dan kakitangan bagi mewujudkan dan mengekalkan suasana tempat bertugas yang bermaklumat, bersih, kemas, teratur dan mesra pelanggan; dan
- c. Menggalakkan persaingan sihat antara PTJ ke arah penambahbaikan yang berterusan dalam amalan pengurusan kualiti dan urus tadbir 5S yang baik.

### **Kaedah Pelaksanaan**

Penilaian pertandingan ini memberi tumpuan kepada perkara berikut:

- a. Usaha ke arah amalan 5S seperti penubuhan Jawatankuasa;
- b. Kemudahan tempat kerja dan peralatan; dan
- c. Persekitaran tempat kerja.

Pada tahun ini, 16 PTJ telah dinilai setelah mendapat maklumbalas kesediaan pelaksanaan 5S, berbanding 5 PTJ pada tahun lepas.

16 PTJ yang telah dinilai adalah:

1. Pejabat Naib Canselor
2. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
3. Pejabat Pendaftar
4. Pejabat Bursar
5. Pejabat Penasihat Undang-undang
6. Perpustakaan Sultan Abdul Samad
7. Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
8. Fakulti Perhutanan
9. Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
10. Fakulti Pengajian Pendidikan
11. Fakulti Ekologi Manusia
12. Fakulti Pengajian Alam Sekitar
13. Fakulti Rekabentuk dan Senibina
14. Institut Biosains
15. Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
16. Institut Pengajian Sains Sosial

## Anugerah Inovasi Perkhidmatan

Objektif utama Anugerah Inovasi adalah seperti berikut:

- a. Memberikan pengiktirafan secara formal kepada PTJ yang telah menunjukkan hasil inovasi;
- b. Menggalakkan perkongsian pintar amalan-amalan terbaik yang menghasilkan inovasi;
- c. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja untuk diamalkan di PTJ;
- d. Mengenal pasti dan memperkenalkan hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah PTJ lain; dan
- e. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Penilaian pertandingan ini memberi tumpuan kepada perkara berikut:

- a. Inovasi hendaklah hasil idea yang dicetuskan oleh Fakulti/Institut/Pusat Kecemerlangan/Unit/Jabatan/Staf Universiti Putra Malaysia;
- b. Penyertaan hendaklah melalui pencalonan oleh Ketua PTJ;

- c. Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi penyelesaian masalah, peningkatan kualiti dan produktiviti sesebuah organisasi; dan
- d. Setiap PTJ boleh mencalonkan sekurang-kurangnya satu permohonan dan maksimum tiga hasil inovasi.

Inovasi yang tidak layak untuk menyertai Anugerah ini ialah:

- a. Inovasi daripada hasil penyelidikan dan pembangunan atau R&D yang tiada kaitan dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi;
- b. Inovasi untuk tujuan komersial; dan
- c. Inovasi yang sudah tidak diguna pakai/diaplikasi pada tahun dinilai.

Penyertaan inovasi perkhidmatan pada tahun ini adalah:

Bil	Nama Projek	PTJ	Kategori	Ketua Kumpulan
1.	Elastic Signage Parking (e-SINPARK)	Mustaffa Hj. Dollah <i>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan</i>	Individu	-
2.	R-envelope (Reusable envelope: Sampul surat yang boleh diguna semula)	Mohammad Fakarrudeen Zulkifli <i>Fakulti Ekonomi dan Pengurusan</i>	Individu	-
3.	Fasa 3 Sistem Pengurusan Latihan UPM	<i>Pejabat Pendaftar/ iDEC</i>	Kumpulan	Norman Azlan Osman
4.	TMK EVO (Trolis Mengangkut Kerusi Evolusi)	<i>Pusat Kebudayaan &amp; Kesenian SSAAS</i>	Kumpulan	Hj. Muhammad Mohd Yusof
5.	Portable Hot Stamping Platform	Mohammad Marwan Abdul Razak <i>Perpustakaan Sultan Abdul Samad</i>	Individu	-
6.	Eco-Waste System	<i>Fakulti Ekologi Manusia</i>	Kumpulan	Salminda Sulaiman
7.	GluMac: Gluing Machine/Mesin Gam yang mempercepatkan proses penjilidan bahan perpustakaan	<i>Perpustakaan Sultan Abdul Samad</i>	Kumpulan	Salmah Abdullah

## Anugerah Pengurusan Aset

Objektif Anugerah Pengurusan Aset adalah seperti berikut:-

- a. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada PTJ yang telah menunjukkan prestasi pengurusan aset terbaik; dan
- a. Menggalakkan PTJ untuk mengamalkan pengurusan aset terbaik untuk penyampaian perkhidmatan yang berkesan

### **Kaedah Pelaksanaan**

Anugerah ini memastikan semua PTJ di Universiti Putra Malaysia mendaftar aset universiti dengan tepat dan boleh dipercayai di samping memantau dan memastikan pengurusan aset adalah baik dan teratur. Hasil verifikasi diberikan skor 1 hingga 5, di mana 5 paling baik (sangat memuaskan) dan 1 sangat tidak memuaskan.

### Kriteria Penilaian

Bil	Kriteria	Penilaian	Pemberat
1.	Kriteria 1	Hasil Verifikasi Tahun 2013	60%
2.	Kriteria 2	Purata Pencapaian Verifikasi bagi 5 tahun (2009-2013)	10%
3.	Kriteria 3	Mendapat hasil verifikasi Tahun 2013 100% tanpa perlu audit susulan	10%
4.	Kriteria 4	Kerjasama dan komitmen PTJ semasa Verifikasi dijalankan	10%
5.	Kriteria 5	Tahap Pematuhan Ke atas Pengurusan Aset PTJ Semasa Verifikasi Tahun 2013. i. Aset ada semasa verifikasi dijalankan; ii. Aset digunakan semasa verifikasi dijalankan; iii. Aset ditampal barcode; iv. Aset ID ditulis pada aset; v. Aset disimpan secara selamat; vi. Aset sama dengan rekod FAMS; vii. Lokasi aset dikemas kini dalam sistem FAMS; viii. Pengguna aset dikemas kini dalam sistem FAMS; ix. Pegawai aset dilantik dan ada surat lantikan; dan x. KEW PA 7 disediakan dan dikemas kini.	10%

### Pembahagian Kumpulan

Bil	Kumpulan	Keterangan Kumpulan
1.	Kumpulan 1	Fakulti
2.	Kumpulan 2	Institut/ Pusat/ Akademi/ Sekolah (Entiti Akademik)
3.	Kumpulan 3	Kolej Kediaman
4.	Kumpulan 4	Pejabat/Bahagian/Pusat (Entiti Perkhidmatan)

## Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Objektif utama Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) adalah seperti berikut:

- a. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang terlibat dengan memberi peluang kepada kumpulan KIK menyampaikan idea dan kreativiti;
- b. Meyakinkan PTJ di UPM bahawa KIK dapat membantu menyelesaikan masalah berkaitan kerja dan seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan;
- c. Menjadikan KIK sebagai landasan budaya kerja berkualiti; dan
- d. Mengenalpasti wakil KIK ke pertandingan KIK di peringkat yang lebih tinggi pada masa akan datang.

### Kaedah Pelaksanaan

Penilaian KIK dibuat berdasarkan tujuh kriteria yang telah ditetapkan, iaitu:

- a. Pengenalan;
- b. Pemilihan projek dan definisi;
- c. Analisis peluang penambahbaikan;
- d. Penyelesaian / pelaksanaan kreatif dan inovatif;
- e. Pemantauan dan penyeragaman;
- f. Pencapaian dan penciptaan nilai; dan
- g. Persembahan projek.

Menerusi tujuh kriteria tersebut progres projek dinilai, dan dijadikan pengukuran dalam pemberian anugerah. Semua KIK PTJ dinilai sama ada aktif atau tidak aktif, dan seterusnya KIK aktif telah ditaraf berasaskan progres projek.

Senarai KIK yang menunjukkan progres projek yang positif adalah:

Bil	Nama Kumpulan	PTJ	Senarai Ahli	Tajuk Projek	Status / Pencapaian
1.	<b>PK-FIKIR</b>	Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS	<p>Abu Sufian Babok (Fasilitator)</p> <p>Haji Muhammad Mohd Yusof (Ketua)</p> <p>Rozaimie Abdul Hamid</p> <p>Norliyana Ramlee</p> <p>Muhammad Mokhtar Abdul Rahman</p> <p>Haji Abd. Kader Mohd Alias</p> <p>Siti Hajar Sulaiman</p> <p>Khairul Zainal Abidin</p> <p>Rahim Hamid</p> <p>Muhamad Khairul Mahily</p>	<p>Meningkatkan Bilangan Kerusi yang Diangkut pada Setiap Trip Pemunggahan. (Trolis Serbaguna: TMK-ERGO) (Kategori: Teknikal)</p>	<p>Hari Inovasi dan Kualiti Perkhidmatan (Anugerah Inovasi) 2013</p> <p>KIK IPTA Kali Ke-10 Tahun 2014 di UNIMAS</p> <p>Anugerah Penarafan Bintang (Anugerah Emas), Konvensyen KIK IPTA Kali Ke-10 Tahun 2014 pada 8-10 April 2014 di UNIMAS</p> <p>Penyertaan Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia 2014 (AIKPM 2014)</p>
2.	<b>FORR</b>	Fakulti Perhutanan	<p>Mohd Sopian Mohd Zin (Fasilitator)</p> <p>Saad Nyan (Ketua)</p> <p>Rosni Ludin</p> <p>Aidah Marsidi</p> <p>Mohd Muhaizi Mat Daud</p> <p>Samsinar Mohd Shaari</p> <p>Samsul Mohd Ahyar</p>	<p>Projek: Kesukaran Mengenalpasti Pokok yang Berpotensi Mendatangkan Hazard di Sekitar Kampus UPM Serdang (Kategori: Pengurusan)</p> <p>Membangunkan Sistem Pengurusan Pokok Hazard yang Boleh di Akses Secara Atas Talian</p>	<p>KIK IPTA Kali Ke-10 Tahun 2014 di UNIMAS</p> <p>Anugerah Penarafan Bintang (Anugerah Perak), Konvensyen KIK IPTA Kali Ke-10 Tahun 2014 pada 8-10 April 2014 di UNIMAS</p> <p>Penyertaan Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia 2014 (AIKPM 2014)</p>



3.	<b>Q-LIBRI</b>	Perpustakaan Sultan Abdul Samad	<p>Roslan Ariffin (Fasilitator) Salmah Abdullah (Ketua) Aznizultina Md Nazar Suzila Muhamad Kasim Nuraida Ibrahim Khairil Ridzuan Khahirullah Mohamad Jefri Mohamed Fauzi Hanafiah Ismail Zaidi Zainal Abidin</p>	<p>Tempoh Proses Penjilidan Bahan Mengambil Masa yang Lama GluMac "Gluing Machine" – Mesin Gam yang Mempercepatkan Proses Penjilidan Bahan Perpustakaan (Kategori: Teknikal)</p> <p>Perancangan Projek Baharu - Ruang Penyimpanan Bahan Perpustakaan Terhad (Kategori: Teknikal)</p>	<p>KIK IPTA kali ke-9 di UUM Konvensyen KIK IPTA kali ke-9 di UUM Tahun 2013 pada 20-22 Mei 2013 (Anugerah Emas)</p> <p>Penyertaan ke KIK Perpustakaan Se-Malaysia 2014 di Copthorne Hotel, Pulau Pinang pada 24-26 November 2014</p> <p>Penyertaan Anugerah Inovasi Kementerian Pendidikan Malaysia 2014 (AIKPM 2014)</p>
4.	<b>SMART ACQLIB</b>	Perpustakaan Sultan Abdul Samad	<p>Rosmala Abdul Rahim (Fasilitator) Haslina Abu Seman (Ketua) Hazlindah Basiron Samsul Farid Samsuddin Noor Syafini Zamani Junaini Mohd Yusof Zaharudin A. Manap Shamila Syed Mohd Rashidi Osman Nusi</p>	<p>Membangunkan Sistem Pemilihan Judul Bahan Monograf dan Media Bagi Tujuan Perkembangan Koleksi (Kategori: Pengurusan)</p>	<p>Konvensyen KIK UPM tahun 2010 &amp; KIK IPTA kali ke-9 di UUM</p> <p>Konvensyen KIK IPTA kali ke-9 di UUM Tahun 2013 pada 20-22 Mei 2013 (Anugerah Perak) &amp; (Anugerah Khas - Inovasi Harapan).</p> <p>Hari Inovasi dan Kualiti Perkhidmatan UPM 2013 (Anugerah Inovasi).</p> <p>Penyertaan ke KIK Perpustakaan Se-Malaysia 2014 di Copthorne Hotel, Pulau Pinang pada 24-26 November 2014</p>

5.	<b>THE GENES</b>	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul	Roszaimah Muhammad Sapah (Fasilitator) Wahidin Hj. Zainal ( <i>Ketua</i> ) Noriza Ibrahim Mohd Azman Ahmad Nik Fauzan Nik Mohd Aman	Peratusan bahan kimia luput tarikh yang tinggi di dalam makmal  Membangunkan Sistem Pengurusan Bahan Kimia (Kategori: Pengurusan)	Kumpulan ditubuhkan pada 12 Julai 2013  Cadangan membangunkan Sistem Pengurusan Bahan Kimia  Kemajuan projek pada tahap 90%
6.	<b>FLORA</b>	Fakulti Perhutanan	Mohd Sopian Mohd Zin ( <i>Fasilitator</i> ) Latifah Zainal Abidin ( <i>Ketua</i> ) Maiza Azura Hj. Kasbin Mohd Shahrul Nizam Ahmad Sanusi Prof. Madya Dr. Kamsiah Abdul Kudus Prof. Madya Dr. Mohd Azani Alias Zamani Mohd Daud Siti Aida Ahmad Intan Suraya Abu Bakar Zakaria bin Tahar Ahmad Kamal Norsabarudin	Masalah Pengumpulan Sampel Tumbuhan untuk Aktiviti Pengajaran, Pembelajaran dan Pengembangan (Kategori: Teknikal)	Kumpulan baharu ditubuhkan pada 2 September 2014  Cadangan kaedah penyelesaian: Penubuhan Taman Evolusi Tumbuhan di Pusat Pendidikan Perhutanan Sultan Idris Shah (SISFEC)  Kemajuan projek pada tahap 30%

7.	<b>PKU</b>	Pusat Kesihatan Universiti	Dr. Ahmad Kamarul Juperi (Fasilitator) Fairus Mohamad (Ketua) Nalitha Hazirah Chek Norman DK Masni Pg. Kifi Hazri Mohd@Ghazani SN. Wan Nurul Ain Wan Zahidi Mohd Afiq Amri Che Soh Abdussalam Isa Nurul Asiyah Alias Liana Suraman @ Suratman Nor Hafizah Ab. Rahman	Dalam proses mengenalpasti projek	Kumpulan baharu. Ditubuhkan pada 22 September 2014
8.	<b>MARSLAB</b>	Institut Biosains	Muhammad Farhan Nazarudin (Fasilitator & Ketua) Mohd Hanif Md. Arshad Md. Shater Zakaria Mohd Shukri Abu Bakar	Penghasilan Benih Ikan Kerapu yang Tinggi untuk Tujuan Penyelidikan  Sistem Penetasan Benih Ikan Berinovasi (Kategori: Teknikal)	Kumpulan baharu. Ditubuhkan pada April 2014 dan didaftarkan pada 24 September 2014  Dalam proses melengkapkan analisis data dan <i>slide</i> persembahan.  Kemajuan projek pada tahap 60%
9.	<b>YES (Youth Empowerment Study)</b>	Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS)	Zamre Yaacob (Fasilitator) Nooryati Sajat (Ketua) Hilyana Mokhtar Nurshazwani Ghazali Norazian Nga Bidin Umi Nadrah Mat Ali Aripin Borhan	Kesukaran Kebolehcarian Fail yang Hendak Dilupakan di dalam Bilik Arkib  Membangunkan Sistem e-Arkib (Kategori: Pengurusan)	Dalam proses perbincangan bersama ahli serta pengumpulan data  Cadangan pembangunan Sistem e-Arkib.  Kemajuan projek pada tahap 60%

10.	<b>KOLEJ</b>	Gabungan Kolej UPM	Nurazlin Jaafar (Ketua) Kalthom Abu Bakar Askina Aziz Norshahilda Md Shahril Mohd Hazrie Minhat	Dalam proses mengenalpasti projek	Dalam proses perbincangan bersama di peringkat kolej bagi mengenalpasti projek
11.	<b>B-SMART</b>	Taman Pertanian Universiti (TPU)/ Seksyen Ladang Puchong	Mohd Noor Azizul Akbaruiddin (Fasilitator) Norhaimanshah Ismail (Ketua) Rozimah Ramlee Hafiza Md Juah Mohd Ismaidin Ismail Muriati Fauzana Mokhtar Awang Bocho Khairil Iswad M. Yusof Kairul Ezwan Yahya	Perojek terdahulu: Sistem Penstabil Suhu (3S)	Perubahan ahli kumpulan untuk tahun 2014 Dalam proses mengenalpasti projek baharu
12.	<b>Innocr8.comm</b>	Pejabat Perancangan Strategik dan Korporat	Abdullah Arshad (Fasilitator) Norzaina Darus (Ketua) Kalpana a/p Subramaniam Khairul Anuar Muhamad Noh Arafat Mashhuri Awang Noor Eszereen Juferi Norafzan Jaafar Zarina Ismail	Sistem Pelaporan dan Pemantauan secara <i>Online</i> (e-MoU)	Projek KIK E-MoU yang bermula dari tahun 2010 telah beberapa kali dibuat penambahbaikan Sistem E-MoU masih dalam peringkat percubaan mulai Mei 2014

## Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran

Objektif pelaksanaan Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran adalah:

- i. Menilai dan mengukur prestasi PTJ bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang cemerlang;
- ii. Memberi pengiktirafan kepada PTJ yang telah menunjukkan tahap tadbir urus yang terbaik serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul; dan
- iii. Menggalakkan persaingan yang sihat dalam kalangan PTJ untuk mengamalkan pengurusan organisasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan.

Fokus utama dalam penggredan Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran adalah terdiri daripada tiga komponen teras seperti di bawah.

- a. Komponen Pengurusan yang melibatkan empat kriteria iaitu;
  - i. Pengurusan Kewangan;
  - ii. Pengurusan Sumber Manusia;
  - iii. Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja; dan
  - iv. Pengurusan Laman Web PTJ.

b. Komponen Perkhidmatan Teras yang melibatkan dua kriteria iaitu;

- i. Pelaksanaan KIK/inovasi; dan
- ii. Pelaksanaan 5S.

c. Komponen Kepuasan Pelanggan yang melibatkan enam kriteria iaitu;

- i. Kajian Kepuasan Pelanggan;
- ii. Pemantauan maklum balas Pelanggan (Sistem U Respons);
- iii. Penghargaan;
- iv. Pengurusan aduan awam;
- v. Layanan melalui telefon; dan
- vi. Penilaian *Mystery Shopping/Public*.

Pada peringkat permulaan pelaksanaan, anugerah ini memberi tumpuan terhadap PTJ yang memberi/ melaksanakan perkhidmatan/pentadbiran, dan/ atau tidak dinilai dalam penarafan bintang MYRA.

Senarai PTJ yang terlibat dalam penilaian Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran ialah:

Bil	Entiti	Pusat Tanggungjawab (PTJ)
1.	Pejabat	Pendaftar
2.	Pejabat	Bursar
3.	Pejabat	Pembangunan dan Pengurusan Aset
4.	Pejabat	Penasihat Undang-Undang
5.	Pejabat	Naib Canselor
6.	Pejabat	Perancangan Strategik dan Korporat
7.	Pejabat	Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
8.	Bahagian	Audit Dalam
9.	Pejabat	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
10.	Perkhidmatan	Putra Science Park
11.	Pusat	Pengurusan Penyelidikan
12.	Pejabat	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
13.	Bahagian	Bahagian Akademik
14.	Bahagian	Bahagian Antarabangsa
15.	Pusat	Pembangunan Akademik
16.	Pejabat	Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri Masyarakat)
17.	Pusat	Hubungan dan Jaringan Industri
18.	Pusat	Transformasi Komuniti Universiti
19.	Pejabat	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
20.	Bahagian	Hal Ehwal Pelajar
21.	Pusat	Alumni
22.	Pusat	Sukan
23.	Pusat	Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar
24.	Pusat	Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan
25.	Pusat	Islam
26.	Pusat	Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

27.	Pusat	Pemajuan Kompetensi Bahasa
28.	Pusat	Kesihatan Universiti
29.	Pusat	Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
30.	Pusat	Pengimejan Diagnostik Nuklear
31.	Pusat	Sumber dan Pendidikan Kanser
32.	Pusat	Asasi Sains Pertanian
33.	Bahagian	Keselamatan
34.	Perkhidmatan	Perpustakaan Sultan Abdul Samad
35.	Perkhidmatan	Taman Pertanian Universiti
36.	Perkhidmatan	Penerbit
37.	Sekolah	Pengajian Siswazah
38.	Kolej	Mohamad Rashid
39.	Kolej	Kedua
40.	Kolej	Tun Dr. Ismail
41.	Kolej	Canselor
42.	Kolej	Kelima
43.	Kolej	Keenam
44.	Kolej	Sultan Alaeddin Suleiman Shah
45.	Kolej	Tun Perak
46.	Kolej	Pendeta Za'ba
47.	Kolej	Sepuluh
48.	Kolej	Sebelas
49.	Kolej	Dua Belas
50.	Kolej	Tiga Belas
51.	Kolej	Empat Belas
52.	Kolej	Lima Belas
53.	Kolej	Enam Belas
54.	Kolej	Tujuh Belas

# *Sekalung Tahniah*

Setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung tahniah  
diucapkan kepada semua pemenang!



# Latar Belakang Projek

## Latar Belakang Projek 1 Elastic Signase Parking (e-SINPARK)

**PTJ:** Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
**Nama:** Mustaffa Hj. Dollah  
**Kategori:** Individu

### Sinopsis Projek

Idea inovasi saya ini tercetus apabila saya melihat tanda tempat letak kereta dibanyak kawasan kampus didapati tidak terurus dengan baik dan tidak seragam. Setelah dibuat beberapa pengamatan dan sedikit kajian didapati rekabentuk dan bahan yang digunakan menjadi punca utama papantanda didapati bengkok dan patah sebab dilanggar kenderaan dan besi yang digunakan jenis lompong yang mudah berkarat dan patah.

Pada peringkat awal saya telah mencuba idea inovasi ini di tempat letak kereta Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) semasa saya menjadi Ketua Pentadbiran pada awal tahun 2012 dan kemudian telah menjadi ikutan di beberapa Pusat Tanggungjawab yang lain. Rekabentuk yang tidak mudah dilanggar oleh kenderaan dan besi jenis flexible, tahan lama dan tidak boleh patah menjadi idea saya untuk memperkenalkan inovasi ini.

Rekabentuk bahagian tiang yang digunakan adalah berbentuk tiga suku S dan menggunakan besi jenis plate supaya bumper kenderaan tidak dapat melanggar tiang tersebut dan flexible. Bahagian plate menggunakan kepingan besi supaya mudah untuk memasang dan menukar sticker dan tahan lama. Warna putih menjadi pilihan untuk tiang dan plate kerana mudah dilihat dan menarik. Setelah saya berpindah tempat bertugas ke Fakulti Ekonomi dan Pengurusan pada April 2014, saya cuba untuk membuat penambahbaikan hasil inovasi ini dengan menambah komponen spring dibahagian bawah tiang supaya ia lebih flexible pada kedudukan 360° kepada saiz kenderaan yang lebih besar atau bumper kenderaan yang lebih besar sekiranya terlanggar.

## Latar Belakang Projek 2

### Portable Hot Stamping Platform

**PTJ:** Perpustakaan Sultan Abdul Samad  
**Nama:** Muhamad Marwan Abdul Razak  
**Kategori:** Individu

#### Sinopsis Projek

Portable Hot Stamping Platform merupakan platform yang direka untuk fleksibiliti dalam menentukan kedudukan bahan semasa proses mentinta. Bahan-bahan yang berkaitan (kulit buku dan bahan-bahan lain) ditinta menggunakan 'hot stamping machine' dan didapati penggunaan 'Portable Hot Stamping Platform' yang digunakan bersama 'hot stamping machine' telah menjadikan proses kerja mentinta lebih efisien. Penggunaan alat ini telah dapat mengoptimumkan ketepatan kedudukan bahan semasa proses mentinta. Bahan dapat ditinta dalam kuantiti dan kualiti yang optimum dalam tempoh masa yang singkat serta menjimatkan tenaga dan jua kos.

## Latar Belakang Projek 3

### R-envelope (Reusable Envelope)

**PTJ:** Fakulti Ekonomi dan Pengurusan  
**Nama:** Mohammad Fakarrudeen Zulkifli  
**Kategori:** Individu

#### Sinopsis Projek

R-envelope (reusable envelope) merupakan sampul surat yang telah diubah suai supaya dapat digunakan berulang kali. Pengubahsuaian yang telah dibuat adalah seperti berikut: (1) Alamat fakulti (pengirim) telah ditulis pada bahagian dalam sampul surat dan akan dapat dibaca melalui 'window'. Selepas menerima sampul surat tersebut, penerima akan mengeluarkan surat, manakala alamat fakulti (pengirim) masih kekal dan dapat dibaca melalui 'window'. Seterusnya sampul surat tersebut akan dihantar kembali ke alamat yang tertera pada 'window'. Ini bermaksud, sampul surat yang telah dihantar ke PTJ lain akan dihantar kembali ke PTJ asal mengikut alamat yang tertera pada 'window' sampul surat tersebut. (2) Jenis penutup sampul surat telah diubah kepada jenis bertali. Penutup ini dapat digunakan berulang kali. Inovasi ini bukan sahaja dapat mengelakkan pembaziran (sampul surat biasa hanya boleh digunakan sekali sahaja), malah ianya dapat menjimatkan kos kerana sampul surat R-envelope dapat digunakan berulang kali dan kos pembelian R-envelope hanyalah pada peringkat permulaan sahaja.

## Latar Belakang Projek 4

### TMK EVO (Trolis Mengangkat Kerusi Evolusi)

**PTJ:** Pusat Kebudayaan dan Kesenian  
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah

**Nama Pasukan:** PK Fikir

**Kategori:** Kumpulan

#### Nama Ahli Kumpulan :

- Hj. Muhammad Mohd Yusof (Ketua)
- Muhammad Mokhtar Abd Rahman
- Rozaimie Abdul Hamid
- Hj. Abd Kader Mohd Alias
- Siti Hajar Sulaiman
- Khairul Zainal Abidin
- Norliyana Ramlee
- Rahim Hamid
- Muhamad Khairul Mahily
- Kamarulhelmy Kamaruddin

#### Sinopsis Projek

TMK EVO adalah keseimbangan projek TMK Ergo yang merupakan projek KIK yang mewakili UPM ke Konvensyen KIK IPTA ke-10 di Unimas pada 9-10 April 2014 yang lalu. TMK EVO ditambah baik dengan penambahan motor yang lebih memudahkan proses menegakkan kerusi. Sebelum TMK EVO dan TMK Ergo diperkenalkan, kerja memunggah dan menyusun kerusi dilakukan dengan menggunakan troli biasa. Troli ini memerlukan tenaga yang banyak untuk dikendalikan. Kapasiti atau muatan troli biasa tersebut hanya lima (5) buah kerusi diangkat pada satu trip

4

pemunggahan dengan mengangkat kerusi yang disorong tarik dari stor ke lokasi yang diperlukan. Troli biasa ini hanya mempunyai satu (1) ruang letak kerusi, dua (2) roda atau tayar kecil dan satu (1) penegak/ stand serta satu (1) penolak dan penarik.

Troli sebelumnya iaitu TMK Ergo sangat sesuai digunakan bagi melaksanakan proses pemunggahan kerana troli ini mampu memuatkan sehingga sepuluh (10) buah kerusi pada satu trip pemunggahan diman ianya dapat menjimatkan masa sehingga 50%. TMK Ergo bukan sahaja boleh mengangkat kerusi malah mampu mengangkat meja, karpet serta alatan-alatan berat yang lain. Kerja-kerja penyusunan kurusi menggunakan menggunakan TMK Ergo memberikan hasil yang signifikan dari aspek kesihatan misalnya mampu untuk mengurangkan risiko penyakit seperti sakit pinggang, dada dan tangan. Selain

itu, beban berat yang ditanggung juga telah dapat diringankan sekaligus melancarkan tindakan kerja yang dilaksanakan walaupun kedudukan stor penyimpanan kerusi jauh dan tugas yang diberikan kadangkala berlaku di saat-saat akhir.

Berbanding TMK Ergo yang terdahulu, ianya tidak mempunyai motor dimana proses menegakkan kerusi di dalam stor memerlukan tenaga manusia sepenuhnya, TMK EVO ditambahbaik dengan menjadikan proses menegakkan kerusi lebih mudah dengan bantuan motor. Proses penambahbaikan motor ini adalah hasil daripada pemerhatian dan maklumbalas pengguna. Dengan penambahan motor, TMK EVO mampu melaksanakan kerja dengan baik berbanding dengan TMK Ergo yang terdahulu. Ianya memudahkan pelaksanaan kerja penyusunan dan pemunggahan kerusi. Rekabentuknya yang unik dapat mempercepatkan proses kerja yang dilakukan.

Kesimpulannya, selain dapat membantu pekerja dalam mengatasi masalah kesihatan dan masalah lain yang dihadapi oleh organisasi, konsep pengurusan kejut juga dapat dilaksanakan. Dengan penghasilan ini dapat membantu mengurangkan penggunaan sumber manusia. Ia dapat memberi nilai tambah kepada sesebuah organisasi di mana mutu perkhidmatan dapat dipertingkatkan dan akan memberikan impak positif kepada pelanggan dalam pengurusan perkhidmatan yang ditambah baik. Jika dahulu dengan penggunaan troli asal kerja pemunggahan dan penyusunan memerlukan

dua (2) orang pekerja, tetapi dengan penghasilan TMK EVO ini penggunaan tenaga kerja hanya melibatkan seorang pekerja dan lebih pekerja yang ada akan diserap untuk melaksanakan tugas yang lain dan ini dapat membantu kerja organisasi dalam memcapai matlamat organisasi dan dapat memaksimumkan kepuasan pelanggan terhadap mutu perkhidmatan kerana kerja dilaksanakan dengan cepat dan pantas.

## Latar Belakang Projek 5

### GluMac: Gluing Machine / Mesin Gamyang Mempercepatkan Proses Penjilidan Bahan Perpustakaan

**PTJ:** Perpustakaan Sultan Abdul Samad  
**Nama Pasukan:** Q-Libri  
**Kategori:** Kumpulan

#### Nama Ahli Kumpulan:

- Roslan Ariffin (Fasilitator)
- Salmah Abdullah (Ketua)
- Aznizultina Md Nazar
- Suzila Mohd Kasim
- Nuraida Ibrahim
- Mohamad Jefri Mohamed Fauzi
- Khairil Ridzuan Khahirullah
- Hanafiah Ismail
- Zaidi Zainal Abidin

#### Sinopsis Projek

Projek yang dibangunkan bertujuan untuk mengatasi masalah yang dihadapi iaitu 'Tempoh penjilidan bahan perpustakaan mengambil masa yang lama'. Projek ini selaras dengan keperluan standard MS ISO 11620 Library Performance Indicator, Klausula B1.1.1 yang menyatakan buku/ bahan perpustakaan perlu sedia diguna oleh pelanggan pada masa ia

diperlukan. Projek ini juga sangat penting bagi mempercepatkan pengguna mengakses kepada bahan. Ini selari dengan keperluan MS ISO 9001:2008, Klausula 5.2 yang mementingkan kepuasan pelanggan. Selain itu projek ini penting bagi memastikan bahan perpustakaan sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan ia selaras dengan keperluan MS ISO 9001:2008, Klausula 7.5.5 yang menyatakan organisasi perlu menjaga dan memelihara buku / bahan perpustakaan.

Projek ini telah bermula sekitar bulan Ogos 2012 apabila perbincangan mengenai masalah, punca dan analisis data dijalankan. Hasil daripada analisis punca masalah, terdapat dua punca utama yang perlu diselesaikan iaitu cara kerja tidak seragam dan proses kerja rumit.

Punca Masalah	Cadangan Penyelesaian	Produk
1. Cara kerja tidak seragam	Mengenal pasti kaedah/ alat yang memudahkan dan memberi hasil kerja seragam.	Mesin gam (dinamakan "GluMac")
2. Proses kerja rumit	Menyelesaikan masalah kerja secara manual yang lambat dan rumit.	Mesin gam (dinamakan "GluMac")

Kumpulan telah mereka cipta mesin gam yang dinamakan "GluMac" singkatan daripada Gluing Machine. Mesin ini telah dibangunkan pada bulan Disember 2012 sehingga Mac 2013 dan telah melalui dua peringkat uji cuba sebelum ia digunakan oleh staf di unit penjilidan. Hasilnya, terdapat penurunan sebanyak 80% jumlah masa memproses bahan dan penjimatan kepada UPM sebanyak RM61,632.

"GluMac" kini sedang dalam proses penambahbaikan melalui penggantian beberapa komponen seperti motor dan tapak mesin agar ciri keselamatan pada mesin gam dapat ditingkatkan sebelum ia dapat diguna pakai sepenuhnya.

## Latar Belakang Projek 6

### Fasa 3 Sistem Pengurusan Latihan

**PTJ:** Pejabat Pendaftar/ iDEC  
**Nama Pasukan:** i-REG  
**Kategori:** Kumpulan

#### Nama Ahli:

- Norman Azlan Osman (Ketua)
- Maziah Alis @ Alias
- Ruhaida Mohd Yusuf
- Roziah Hanum Ramli
- Noraizan Hussin
- Nurmahani Abdul Gani
- Noraziana Ab. Delani
- Mustapah Islamudin
- Hendrik Mulyady Samian

#### Sinopsis Projek

Fasa 3 Sistem Pengurusan Latihan merangkumi pengurusan latihan secara *online* melibatkan proses permohonan latihan, kelulusan dan tawaran latihan, pengesahan kehadiran latihan, pendaftaran latihan, penilaian keberkesanan latihan dan pelaporan latihan. Semua proses kerja ini dilaksanakan secara manual sebelum Fasa 3 SPL dilaksanakan pada pertengahan tahun 2014. Melalui penambahbaikan ini, Seksyen Latihan telah berupaya meningkatkan kecekapan

pengurusan latihan yang merupakan salah satu tugas yang paling rumit dan mencabar dalam pengurusan sumber manusia. Kebaikan langsung yang diperolehi adalah dari segi penggunaan masa bekerja, pengurangan masa menunggu, penjimatan kertas dan kos cetakan. Dari segi dasar pula ianya meningkatkan kepatuhan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, Dasar Latihan

Sumber Manusia Sektor Awam, Keperluan Standard MS ISO QMS, ISMS dan EMS yang dimiliki UPM serta menyokong polisi pengurusan kejut bagi mengurangkan pembaziran, meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta menghasilkan kepuasan pelanggan yang optimum.

Pelaksanaan ini juga memberi nilai tambah yang banyak kepada staf yang mengurus dan melaksanakan latihan di UPM serta semua pelanggan proses latihan iaitu staf sendiri.

## Latar Belakang Projek 7 Eco-Waste System

**PTJ:** Fakulti Ekologi Manusia  
**Nama Pasukan:** Eco-euphoria  
**Kategori:** Kumpulan

### Nama Ahli

- Shahrirman Hashim (Fasilitator)
- Salmina Sulaiman (Ketua)
- Amir Nordin Abu Bakar
- Rahmah Basman
- Mohamad Nazry Hashim
- Muhammad Samil Masran
- Normaziah Zulkifli
- Farah Zeehan Mohd Nadzri
- Sharifah Husin
- Harnita Abd Wahab

### Sinopsis Projek

*Eco-waste system* merupakan satu inovasi pengurusan sisa terjadual yang dipilih oleh kumpulan. Setiap bahan sisa terjadual yang dihantar ke pusat pengumpulan yang diwujudkan akan diberikan cap. Warga fakulti yang telah cukup cap pada kad yang diberi akan diberikan ganjaran. Objektif projek ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan satu sistem pengumpulan sisa terjadual secara berpusat. Inovasi yang diperkenalkan ini akan mewujudkan suatu sistem dan satu tempat

khas yang akan mengumpulkan bahan yang tersenarai sebagai sisa terjadual. Bahan ini yang merupakan bahan yang terdapat dan sering dibuang tanpa pengurusan yang sesuai. Sedangkan bahan ini boleh mencemarkan alam sekitar jika tidak diuruskan dengan betul. Justeru, memperkenalkan inovasi ini, bukan sahaja mewujudkan tempat tetapi juga satu sistem bagi menjaga alam sekitar. Selain itu akan meningkatkan kesedaran kepada warga Fakulti Ekologi Manusia terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar.

Eco-waste atau sistem pengumpulan sisa terjadual secara berpusat ini, akan meningkatkan kepekaan warga fakulti mengenai pengurusan bahan yang telah diguna pakai dengan betul, secara tidak langsung sistem ini akan meningkatkan kesedaran kepada warga Fakulti Ekologi Manusia mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar. Maka warga fakulti akan sentiasa berfikir sebelum mengguna atau membuang sesuatu. Inovasi ini juga mewujudkan persekitaran kerja yang sihat, selamat dan menyeronokkan. Inovasi yang diperkenalkan ini merupakan satu sistem yang menyeronokkan yang mana setiap warga fakulti yang menghantar sisa terjadual akan diberi ganjaran yang menyeronokkan. Dengan ini ahli fakulti akan merasa seronok dan gembira di samping mewujudkan persekitaran kerja yang sihat dan selamat.





# *Jawatankuasa*

SAMBUTAN HARI KUALITI DAN INOVASI  
PERKHIDMATAN 2014

### **Pengerusi**

- YBhg. Dato' Wan Azman Wan Omar  
*Pendaftar UPM*

### **Setiausaha**

- Mat Razi Abdullah  
*Pejabat Pendaftar*

### **Jawatankuasa Kewangan**

- Rohani Abdul Latif (Ketua)
- Mastura Abd. Rahim

*Pejabat Bursar*

### **Jawatankuasa Protokol dan Sambutan**

- Ludinata Misnun (Ketua)
- Fahmi Azar Mistar
- Norzaina Darus
- Khairul Anuar Muhamad Noh
- Rogayah Md Yasin
- Zarina Ismail
- Noor Eszereen Juferi
- Syifarida Mohd Zak
- Marina Ismail

*Pejabat Perancangan Strategik dan Korporat*

### **Jawatankuasa Jamuan**

- Hj. Hashim Md. Shari (Ketua)
- Hj. Salmah Mohd. Noor
- Saliza Mustafa

*Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)*

### **Jawatankuasa Hadiah Cenderamata dan Sijil**

- Siti Rozana Supian (Ketua)
- Besek Intan Zafina Basok
- Dalina Kamarudin
- Zaleha Mohamad Sharif
- Hasmah Dain
- Shahrizan Paiti
- Nurul Ain Othman
- Rafiza Ahmad
- Nor Syafiqah Ishak

*Pejabat Pendaftar*

### **Jawatankuasa Pengacaraan Majlis, Pembaca Doa dan Pembaca Ikrar**

- Ramli Sulong (Ketua)
- Abdul Rahim Utar
- Rosna Jasin
- Siti Ima Munirah Ahmad
- Zainuddin Kamid

*Pejabat Pendaftar*

- Azliana Zakaria  
*Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina*

- Shahrul Nizar Nurhalim  
*Pusat Sukan*

- Ust. Muhammad Norhisyam Nordin  
*Pusat Islam*

### **Jawatankuasa Penerbitan**

- Kamariah Mohd. Saidin (Ketua)
- Anuar Pairan
- Jamak Aton Habi Mahmood

*Penerbit UPM*

### **Jawatankuasa Keselamatan dan Lalu Lintas**

- Hj. Latif Anwar (Ketua)
- Ibrahim Hasan
- Abdul Karim Ismail

*Bahagian Keselamatan UPM*

### **Jawatankuasa Persiapan Dewan dan Teknikal**

- Hj. Anuar Hj. Ahmad (Ketua)
- Abu @ Abu Sufian Babok
- Hj. Kadir Mohd Alias
- Hj. Muhammad Mohd Yusof
- Mohammad Mokhtar Abdul Rahman
- Rozaimie Abd Hamid
- Rahim Hamid
- Md Nuri Sibob
- Kamarulhelmy Kamarudin
- Ngadimin Beni
- Muhamad Saipul Mohd Darji

*Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin  
Abdul Aziz Shah*

### **Jawatankuasa Hiasan**

- Hj. Abdul Ghani Hashim (Ketua)
- Wan Suhana Wan Talib
- Mohd Affendi Mohd Yusuf
- Abdul Hamid Asmawi
- Noorazrin Ismail
- Yusniza Yusuf
- Nor Kamilah Ab. Salam
- Mohd Bishrul Hafiz
- Nor Alauyah Nor Eda Musa
- Azizah Abdul Hamid
- Noor Junaidah Ahmad
- Aishah Nordin

*Taman Pertanian Universiti*

### **Jawatankuasa ICT dan Rakaman**

- Rosmi Othman (Ketua)
- Mohd Rizal Khanafie
- Muhamad Al Wadud Mahmud
- Shahrul Hazman Shamshudeen
- Hafizuddin Hamdzah
- Muhammad Zairi Mohd Nazari
- Nur Mohamad Mohamad Syed
- Muhammad Hijazi Yahya

*Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi*

#### **Jawatankuasa Jemputan dan Ceramah/Forum**

- Muhazam Mansor (Ketua)
- Rafidah Sadarudin
- Noorihayatti Noorudin
- Mohamad Ashaari Awab
- Norman Azlan Osman
- Roziah Hanum Ramli
- Nor Adlina Sulaiman

*Pejabat Pendaftar*

#### **Jawatankuasa Teks Ucapan**

- Rosmala Abdul Rahim (Ketua)
- Salmah Abdullah
- Akiza Roswati Abdullah
- Mohd Dasuki Sahak
- Suzila Mohamad Kasim

*Perpustakaan Sultan Abdul Samad*

#### **Jawatankuasa Penyambut Tetamu**

- Rosna Jasin (Ketua)
- Khairiah Haron
- Baharon Hj. Anang
- Nor Hayati Duaji
- Paridah Hj. Hamid
- Azliza Arshad
- Norashikin Abdul Rahman
- Noraini Noordin
- Michael Pitter Anak Ujai
- Wirdah Hj Adam
- Nurul Syamimi Mohd Zainodin

*Pejabat Pendaftar*

#### **Urus Setia Penganjuran Majlis**

- Mat Razi Abdullah
- Siti Fatimah Hasim
- Ahmad Hafizd Hitam
- Kasmaria Zawawi
- Norliyani Anor
- Dalha Abdul Rahim
- Fairuzaha Zaaba
- Khairul Azman Jaafar

*Pejabat Pendaftar*

## Penilaian Anugerah Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP 2104)

YBhg. Dato' Wan Azman Wan Omar (Pengerusi)

### JAWATANKUASA PANEL PENILAI

- Noorizai Mohamad Noor (Pengerusi)
- Rozi Tamin (Setiausaha)

#### Ahli

- Profesor Madya Dr. Ramdzani Abdullah  
*Pengerusi Jemaah Dekan*
- Profesor Dr. Abul Rahman Omar  
*Pengerusi Jemaah Institut*
- Profesor Dr. Roslan Sulaiman  
*Pengerusi Jemaah Pengetua*
- Hj. Rosdi Wah  
*Ketua Pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)*
- Hj. Hashim Md. Shari  
*Ketua Pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)*
- Nor Adida Ab. Khalid  
*Ketua Pentadbiran, Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Jaringan Industri dan Masyarakat)*
- Chek Zan Kasah  
*Ketua Pentadbiran, Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi)*

- Zainora Abdul Talib  
*Bahagian Audit Dalam, Pejabat Naib Canselor –  
Peneraju Anugerah Pengurusan Aset*
- Mat Razi Abdullah  
*Pejabat Pendaftar – Peneraju Amalan 5S*
- Noraihan Noordin  
*Pejabat Pendaftar - Peneraju Anugerah Penarafan  
Bintang*
- Profesor Dr. Ahmad Ismail  
*Presiden Persatuan Pegawai Akademik*
- Noor Mohamad Shakil Hameed  
*Presiden, Persatuan Pentadbir UPM*
- Hj. Mohd Zailani Hj. Abd Razak  
*Presiden Kesatuan Kakitangan Am Universiti Putra  
Malaysia (KEPERTAMA)*

### Jawatankuasa Kecil Penilaian Anugerah Inovasi Perkhidmatan

- Chek Zan Kasah (Peneraju)
- Noremy Busu  
*Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan  
Inovasi)*

### **Jawatankuasa Kecil Penilaian Anugerah Pengurusan Aset**

- Zainora Abdul Talib (Peneraju)
- Sharul Azman Ramli
- Nor Asyikin Yusoff
- Mohd. Nasarudin Ismail
- Asrul Nizam Saari

*Bahagian Audit Dalam, Pejabat Naib Canselor*

### **Jawatankuasa Kecil Penilaian Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)**

- Noorizai Mohamad Noor (Peneraju)
- Rozi Tamin
- Siti Fatimah Hasim

*Pejabat Pendaftar*

### **Jawatankuasa Kecil Penilaian Anugerah Amalan 5S**

- Mat Razi Abdullah (Peneraju)
- Zainuddin Kamid
- Norliyani Anor

*Pejabat Pendaftar*

### **Jawatankuasa Kecil Penilaian Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran**

- YBhg. Dato' Wan Azman Wan Omar (Pengerusi)
- Noraihan Noordin (Setiausaha)

### **Ahli**

- Hj. Rosdi Wah  
*Bahagian Akademik*

- Rohani Abd. Latif  
*Pejabat Bursar*

- Hj. Hashim Md. Shari  
*Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)*

- Siti Rozana Supian
- Ramli Sulong
- Noorizai Mohamad Noor
- Muhazam Mansor

*Pejabat Pendaftar*

- Zainora Abdul Talib
- Mohd Nazri Md Yasin
- Fahmi Azar Mistar

*Pejabat Naib Canselor*

- Rosmi Othman  
*Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi*

- Mohd Naim Mohd Ishak  
*Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan*

## SENARAI NAMA PANEL PENILAI ANUGERAH

### Panel Penilai Luar

#### Anugerah Inovasi Perkhidmatan

- Norhayati Mohd Idris  
Timbalan Ketua Unit Korporat Antarabangsa  
Intan Bukit Kiara
- Mahadir Mohamed  
Ketua Penolong Pengarah  
Jabatan Standard Malaysia

#### Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran

- Azwani Herni Che Noh  
Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia

### Panel Penilai Dalaman

#### Anugerah Inovasi Perkhidmatan

- Ahmad Zakir Dato' Wira Ja'afar  
Ketua Pegawai Eksekutif (Pengkomersilan)  
Putra Science Park

#### Anugerah Amalan 5S

- Mat Razi Abdullah
- Zainuddin Kamid

#### *Pejabat Pendaftar*

- Fairuz Muchtar Bawaze'er
- Zaidina Mohd Daud

#### *Fakulti Sains*

- Shamriza Shari
- Zamzuri Zabidin
- Nor Hasni Zahari

#### *Fakulti Kejuruteraan*

# *Ikran*

## HARI KUALITI DAN INOVASI PERKHIDMATAN 2014

### **Kami, warga Universiti Putra Malaysia**

Menyedari hakikat bahawa  
Pekerja adalah  
Peneraju transformasi negara  
Berpaksikan inovasi dan kreativiti

Kami berazam  
Akan terus berganding bahu, bersatu dan berintegriti  
Bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab  
Untuk menjadikan bangsa dan negara  
Cemerlang, Gemilang dan Terbilang

### **Maka kami berikrar dengan sepenuh hati akan terus:**

- i. Meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja;
- ii. Memupuk dan memperkukuh nilai-nilai budaya inovasi dan kreativiti;
- iii. Merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri-ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan; dan
- iv. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.



# Lagu Inovasi UPM

Mari melangkah bersama  
menyingkap kreativiti  
dan kehebatan kita

Menyumbang idea dan tindak dalam tugas  
mengubah cara  
beri perkhidmatan

**c/o**

Inovasi memajukan diri  
Inovasi mengangkat peribadi  
Inovasi mengerat hubungan  
memantap organisasi

Sama-sama kita  
berganding bahu  
mencipta cara di alaf baru

Demi UPM kita bersatu  
Malaysiakan pasti terus maju!

Pencipta Lagu: Khairul Daniel Zainal  
Lirik: Noorizai MNoor

# *Penghargaan*

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan  
SAMBUTAN HARI KUALITI & INOVASI PERKHIDMATAN 2014

# *Autograf*



Reka bentuk dan urus cetak  
Penerbit UPM